

Setiap tahun hasil tanaman digenangi air

Petani dakwa parit berdekatan projek pertanian tak diselenggara

● HAMID KARIM | BERITA HARIAN



AIR bertakung di Jalan Dato Ahmad Razali, Kampung Sungai Pinang, Pulau Indah, menenggelamkan tanaman.

Oleh Hamid Karim

bhnews@bharian.com.my

PELABUHAN KLANG: Ramai menyahut saranan kerajaan untuk terbabit dalam sektor pertanian secara moden dan ada antara mereka mendapatkan pinjaman bank untuk menampung kos projek tetapi akhirnya hampa apabila impian tidak menjadi kenyataan.

Ini lah dilema dihadapi beberapa petani yang tinggal di Jalan Dato Ahmad Razali, Kampung Sungai Pinang, Pulau Indah, di sini, apabila hasrat menuai hasil projek pertanian tidak tercapai berikutan air dari parit utama berdekatan menyebabkan tanaman yang diusahakan ditenggelami air.

Wakil petani terbabit yang mahu dikenali sebagai Anuar mendakwa tanaman diusahakan tenggelam apabila sistem perparitan di parit

utama berdekatan kawasan projek pertanian mereka tidak diselenggara dengan baik menyebabkan air bertakung, terutama pada musim hujan kebelakangan ini.

Sehubungan itu, mereka merayu Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) memantau dan memperbaiki segera sistem perparitan yang ada bagi mengelakkan petani terus kerugian.

“Saya merayu JPS melakukan sesuatu seberapa segera sebelum petani menanggung kerugian lebih besar. Ini kerana parit utama di bawah kendalian JPS tidak boleh mengalirkan air berikutan dipenuhi rumput tebal.

“Ini mengakibatkan parit yang dibina petani untuk mengeluarkan air ke parit utama itu tersekat, menyebabkan tanaman digenangi air,” katanya ketika ditemui Sentral baru-baru ini.

Anuar berkata, kejadian tana-

man petani di situ ditenggelami air bukan kali pertama berlaku, malah dikatakan berlaku setiap tahun menyebabkan mereka tidak mampu mengutip hasil.

“Kami sebenarnya tidak menyalahkan pembangunan sekitar, cuma mahu pihak berkaitan menyelenggara parit utama yang kini sebu dan gagal mengalirkan airnya. Malah, beberapa petani termasuk saya yang mendapatkan pinjaman bank untuk melaksanakan projek sentiasa kerugian.

“Sudahlah hasil terjejas akibat air bertakung, kami juga terus kerugian kerana pada masa sama terpaksa menanggung hutang dengan pihak bank,” katanya.

Kerugian petani dijangka berterusan jika penyelenggaraan parit utama tidak dilakukan segera, terutama ketika musim hujan yang sedang melanda hampir setiap hari di kawasan berkenaan.